

JPS bina kunci air sementara

Nelayan desak projek bina kunci air disiapkan segera



Antara nelayan yang mendesak supaya projek pembinaan kunci air berkenaan diteruskan dan tidak dibiarkan terbengkalai.

BAGAN NAKHODA OMAR - Nelayan di sini, tidak berpuas hati apabila projek pembinaan kunci air di kawasan berkenaan dihentikan sejak lalu lalu sehingga mendatangkan kesulitan kepada mereka.

Nelayan, Bahaudin Md Jamal, 42, berkata, nelayan mengalami masalah untuk turun ke laut berikutan air lambat sampai ke pangkalan setelah projek berkenaan dihentikan tanpa sebarang notis pemberitahuan.

Menurutnya, setiap kali air pasang, air laut akan membawa lumpur masuk menyebabkan dasar pangkalan semakin tinggi.

Nelayan terpaksa turun lebih awal mencari rezeki kerana menunggu air pasang berikutan lumpur yang semakin tinggi dari paras air laut.

"Sebelum ini, ada kunci air yang mengawal keadaan itu, namun ketika ia ditubai, pihak kontraktor menggunakan mesin bagi melepas

kunci air dan kini tidak lagi apabila projek berkenaan dihentikan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika demonstrasi mendesak projek pembinaan kunci air yang terbengkalai diteruskan di sini, semalam.

Bahaudin berkata, nelayan merungut apabila hasil tangkapan menurun dan menyebabkan pendapatan mereka terjejas.

Menurutnya, pihak bertanggungjawab perlu serius menangani masalah ini kerana ia melibatkan kepentingan bukan sahaja nelayan masyarakat.

"Tindakan perlu diambil bagi memastikan kerja pembinaan kunci air berkenaan tidak terus terbengkalai."

"Jika kontraktor sebelum ini bermasalah, biar sahaja kontraktor lain supaya projek berjalan lancar seterusnya dapat segera menyelesaikan masalah kami," katanya.

Laporan Sinar Harian mengenai desakan nelayan, semalam.

SUNGAI BESAR - Projek pembinaan kunci air Bagan Nakhoda Omar yang didakwa terbengkalai sejak beberapa bulan lalu dalam perhatian Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sabak Bernam.

Jurutera JPS Daerah Sabak Bernam, Herman Tawil berkata, beberapa pendekatan diambil untuk membantu penduduk antaranya membina kunci air sementara untuk mengurangkan risiko banjir jika hujan lebat.

"Kita turut menyediakan pam mencukupi bagi mengeluarkan air bagi mengelakkan kesulitan dalam kalangan penduduk.

"Ini langkah berjaga-jaga buat sementara waktu bagi memastikan masalah tidak membela penduduk setempat berterusan," katanya.

Menurutnya, pihaknya turut mengeluarkan notis kepada kontraktor berkenaan dan sedang menunggu respons tersebut.

"JPS perlu ikut prosedur ditetapkan sebelum menamatkan perkhidmatan kontraktor

JPS perlu ikut prosedur ditetapkan sebelum menamatkan perkhidmatan kontraktor itu bagi mengelakkan kesulitan berlaku pada masa depan."

Herman

itu bagi mengelakkan kesulitan berlaku pada masa depan.

"Surat notis amaran telah diserahkan kepada kontraktor dan JPS masih menunggu respons mereka sebelum mengambil tindakan," katanya ketika mengulas laporan *Sinar Harian*, semalam mengenai isu Nelayan desak projek bina kunci air disiapkan segera.

Menurut Herman, JPS bakal bertindak sekiranya kontraktor itu masih mengabaikan notis supaya projek pembinaan kunci air tersebut tidak terus terbengkalai.

"Buat sementara waktu,

JPS melaksanakan beberapa pendekatan bagi membantu penduduk terutamanya nelayan berdepan situasi bermasalah disebabkan projek berkenaan.

"Sejak menerima aduan penduduk, JPS sering ke lokasi melihat sendiri keadaan kunci air tersebut yang didakwa menyusahkannya mereka.

Dalam pada itu, Herman berkata, JPS sentiasa memantau dan menguruskan pam disediakan bagi memastikan paras air dapat dikurangkan jika berlaku air pasang atau hujan lebat.

JPS sentiasa mengambil berat permasalahan penduduk berkenaan berhubung isu yang menimbulkan kebimbangan terutamanya menjelang musim tengkujuh pada hujung tahun ini.

"Kita sentiasa mendengar keluh kesah penduduk namun dalam masa sama, berharap mereka bersabar kerana beberapa prosedur perlu dilalui sebelum mengambil tindakan ke atas kontraktor berkenaan," katanya.